

MAJLIS PENUTUP KURSUS ASAS IKHTIAR HIDUP SIRI 89/18 SERTA KURSUS COMBAT AIR RESCUE DAN LETUPAN SIRI 36/18

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4092-majlis-penutup-kursus-asas-ikhtiar-hidup-siri-89-18-serta-kursus-combat-air-rescue-dan-letupan-siri-36-18

BUKIT IBAM, 7 November 2018 – Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Asas Ikhtiar Hidup siri 89/18 serta Kursus Combat Air Rescue dan Letupan Siri 36/18 dalam rangka lawatan kerja beliau ke Sekolah Latihan Tempur TUDM Bukit Ibam hari ini.



Seramai 48 anggota dari tiga perkhidmatan di dalam ATM telah menyertai Kursus Asas Ikhtiar Hidup siri 89/18 manakala Kursus Combat Air Rescue dan Letupan Siri 36/18 disertai 21 anggota penuntut terdiri daripada anggota pasukan khas TUDM.



Turut hadir pada majlis tersebut Pemangku Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, YBhg Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin Hj Samion TUDM dan juga Timbalan Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan YBhg Brig Jen Dato' Muhamad Norazlan bin Aris TUDM.



